

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU PEMBEDAHAN PERGIGIAN**

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED JAWATAN/GAJI	:	U17, U22, U24
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2013

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
 - tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Kelayakan Pembantu Pembedahan Pergigian yang diiktiraf oleh kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred U17:RM975.00).
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**
- Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
 - had umur pelantikan:
 - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
- Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred U17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
- Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U22

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U24

PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN JURURAWAT PERGIGIAN GRED U29, JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN GRED U29 ATAU PENGHULU GRED NP27

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.
8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
11. Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U22 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
12. Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pembedahan Pergigian Gred U24 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
13. Pembantu Pembedahan Pergigian yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U29, Juruteknologi Pergigian Gred U29 atau Penghulu Gred NP27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Pembedahan Pergigian yang berkuat kuasa pada 1.1.2005 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2005) dan 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009).